

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bahawa adakah Ops Blue Devil ada bertindak di Sarawak. Jika ada, berapakah anggota polis telah terlibat dalam penggunaan dadah dan tindakan selanjutnya kepada anggota polis yang terlibat. Apakah sebab begitu banyak anggota polis yang terlibat dalam dadah dan apakah langkah akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menegaskan bahawa tiada kompromi terhadap mana-mana anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang didapati terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah berkaitan dadah. PDRM menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik telah melancarkan operasi khas yang dikenali sebagai *Ops Blue Devil* pada 13 Ogos 2019 bagi membanteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan anggota PDRM di setiap kontijen. Seramai 174 pegawai dan anggota PDRM di Sarawak telah menjalani ujian saringan air kencing bagi mengesan penyalahgunaan dadah. Sehingga bulan September 2019, seramai 7 anggota dari Kontinjen Sarawak di dapati positif dadah jenis syabu, amphetamine, opiate, ganja dan ketamin.

Dalam hubungan ini, siasatan akan dijalankan terhadap mana-mana anggota yang didapati positif dadah. Tindakan undang-undang akan diambil sama seperti orang awam yang lain selepas mendapat keputusan dari Jabatan Patologi. Di samping itu, tindakan tatatertib juga akan diambil ke atas anggota terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan hasil siasatan, faktor penglibatan anggota PDRM dalam penyalahgunaan dadah antara lainnya adalah:

- 1) Pengaruh rakan sekerja;
- 2) Masalah peribadi;
- 3) Keinginan untuk mencuba;
- 4) Tekanan; dan
- 5) Tempoh masa bertugas yang panjang.

## **SOALAN NO : 28**

Oleh itu, bagi mengatasi gejala tersebut agar tidak berleluasa di dalam pasukan, PDRM telah mengambil langkah-langkah berikut :

- 1) Mengeluarkan Manual Pematuhan Standard PDRM yang akan menjadi mekanisma “kawal selia” dalam memastikan pematuhan kepada semua arahan, peraturan dan undang-undang;
- 2) Mengadakan program-program psikologi dan spiritual atau agama bagi warga PDRM yang mempunyai masalah disiplin atau tata tertib;
- 3) Mengeluarkan *Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP) yang bertindak sebagai pamacu budaya organisasi berpaksikan integriti dan pematuhan standard;
- 4) Mewujudkan kod etika PDRM bagi memastikan setiap tingkah laku hendaklah berasaskan nilai-nilai murni yang telah diperaku dan diterjemahkan melalui kod etika PDRM;
- 5) Menjalankan pemeriksaan dan *integrity testing* ke atas semua warga kerja PDRM di semua penugasan dalam pasukan bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan, arahan pentadbiran dan prosedur kerja yang berkuat kuasa serta menepati standard yang ditetapkan;
- 6) Tidak berkompromi ke atas warga PDRM yang melakukan kesalahan tata tertib dan mengambil tindakan tegas termasuk buang kerja atau turun pangkat; dan
- 7) Hebahan *lesson learnt* bagi memberi iktibar dan pengajaran serta mengelakkan kejadian yang sama berulang dimasa akan datang.

**SOALAN NO : 28**

Berikut adalah statistik *ops blue devil* sepanjang di lancarkan mulai 13 Ogos 2019 :-

**PELAPORAN OPS BLUE DEVIL  
TINDAKAN DI BAWAH PERATURAN 7  
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN &  
TATATERTIB) 1993  
BAGI TEMPOH 13.8.2019 SEHINGGA 25.9.2019**

BIL	KONTINJEN	TANGKAPAN OLEH JSJN					PERATURAN 7 PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993				
		JUM POSITIF	LAPORAN PATOLOGI			TUDUH	JUM POSITIF	RUJUK PEGAWAI PERUBATAN	LAPORAN PEGAWAI PERUBATAN		
			POSITIF PATOLOGI	NEGATIF PATALOGI	BELUM DAPAT LAPORAN				POSITIF	NEGATIF	BELUM DAPAT JAWAPAN
2	KEDAH	9	0	5	4	1	9	7	0	0	7
3	JOHOR	12	4	0	8	2	12	1	1	0	0
4	KELANTAN	8	1	0	7	1	8	0	0	0	0
5	KUALA LUMPUR	20	4	6	10	1	20	20	0	0	20
6	MELAKA	11	7	2	2	5	11	9	0	1	8
7	NEGERI SEMBILAN	6	4	2	0	0	6	2	0	2	0
8	PULAU PINANG	7	0	2	5	0	7	7	5	1	0
9	PAHANG	9	3	2	4	0	9	6	0	0	0
10	PERAK	11	2	3	6	1	11	5	0	0	5
11	PERLIS	2	2	0	0	0	2	1	0	0	1
12	SABAH	6	4	0	2	4	6	2	1	0	1
13	SARAWAK	7	4	0	3	0	7	5	1	0	4
14	SELANGOR	28	19	5	4	10	28	19	9	10	0
15	TERENGGANU	1	0	1	0	0	1	0	0	0	0
JUMLAH		137	54	28	55	25	137	84	17	14	46

**Sumber : Cawangan Siasatan/ Perundangan/ Kajian Kes (JIPS)  
berakhir 25.9.2019**